

# **Impak Pusat Internet Desa Terhadap Pembangunan Komuniti Luar Bandar: Keusahawanan Sosial Sebagai Strategi Pemangkin**

Abdul Manaf Bohari

*Universiti Utara Malaysia*

*Email: manafdr@uum.edu.my*

## **ABSTRAK**

Secara umumnya, *Pusat Internet Desa (PID)* merupakan usaha kerajaan untuk merapatkan jurang digital di Malaysia, di samping bertujuan untuk mewujudkan pembangunan seimbang di antara masyarakat di kawasan bandar dan luar bandar. Sejajar dengan kemunculan zaman maklumat dan revolusi Internet global, *PID* dilihat sebagai pusat yang berperanan dalam membangunkan komuniti masyarakat luar bandar melalui penyediaan kemudahan, infrastruktur dan infostruktur berdasarkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk menilai aktiviti-aktiviti yang dijalankan di *PID* dan bagaimana *PID* memberi impak terhadap pembangunan komuniti khususnya dalam konteks pembangunan sosial-ekonomi masyarakat. Kajian deskriptif ini adalah menggunakan soal selidik sebagai sumber maklumat dan *PID* Bukit Kayu Hitam (*PID BKH*) di Kedah telah dipilih sebagai lokasi kajian. Temubual berstruktur juga turut digunakan khususnya bagi memperolehi gambaran yang lebih jelas mengenai aktiviti dan operasi *PID* di kawasan kajian. Bagi memantapkan kajian, temubual pakar dilakukan sebagai cara mendapatkan panduan dan penerangan menyeluruh berkaitan *PID BKH*. Secara umumnya, hasil kajian menunjukkan bahawa *PID BKH* memberikan kesan yang positif kepada pembangunan komuniti setempat khususnya pembangunan pengetahuan dan kemahiran berkaitan ICT. *PID BKH* juga berperanan dalam mewujudkan suasana perniagaan dalam talian, mempertingkatkan komunikasi dan kegiatan sosial, dan sekaligus berperanan sebagai pusat kegiatan masyarakat luar bandar. Kajian ini mencadangkan keusahawanan sosial sebagai cara untuk mempertingkatkan keupayaan *PID BKH* sebagai

*pusat pembangunan komuniti masyarakat luar bandar sekaligus membantu mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat di masa hadapan.*

*Kata Kunci:* *Pusat Internet Desa, Komuniti Luar Bandar, Keusahawanan Sosial.*

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Secara umumnya, Pusat Internet Desa (PID) merupakan antara insentif Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi (KTAK) Malaysia dalam usaha kerajaan untuk merapatkan jurang digital di Malaysia. PID bertujuan bagi merealisasikan konsep pembangunan seimbang di antara kawasan bandar dan pendalaman, merapat jurang digital, dan memberi peluang ICT kepada komuniti pendalaman. Selain itu, kumpulan pengguna sasaran bagi PID ialah komuniti setempat, pelajar, belia, suri rumah dan warga emas. Pada awalnya, PID mula diperkenalkan dan ditubuhkan pada Mac 2000 di 42 pusat di setiap negeri kecuali Wilayah Persekutuan. Penubuhan PID kebanyakannya ditempatkan di pejabat-pejabat pos berhampiran lokasi yang dipilih. Kemudahan yang disediakan di PID adalah seperti pendidikan asas menggunakan komputer secara percuma, akses internet, komputer peribadi, pencetak, laman web, dan pusat data berpusat. Melalui kelengkapan PID dengan kemudahan ICT moden, masyarakat setempat dapat menikmati kemudahan ini dengan kadar bayaran yang paling minima.

PID adalah salah satu daripada projek berkaitan dengan telecenter. Menurut Jalaluddin, Norizan dan Jamaluddin (2010) pembangunan telecenter di Malaysia bermula pada tahun 2000 yang dipelopori oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KPLBW), Suruhanjaya Multi Media Malaysia (MCMC), Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) dan sebahagian kerajaan negeri. Menurut Jalaluddin, Norizan dan Jamaluddin (2010) sehingga kini sebanyak 1,945 buah telecenter sedang beroperasi di bawah kelolaan berbagai agensi. Projek telecenter di Malaysia dikenali dengan berbagai-bagai nama, antaranya adalah seperti Pusat Internet Desa (PID), Medan Info Desa (MID), Kedai. Com, UnivServsProvder Communication Center (UnivCompterCtr), Rural Broadband Library, Universal Service Provision (USP) dan Bestari.Com di Terengganu.

Secara asasnya, PID menyediakan kemudahan mengakses teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang boleh digunakan oleh komuniti setempat bagi mendapat dan menyebarluaskan maklumat mengenai sesuatu seperti pendidikan, pertanian, keagamaan, kesenian, keusahawaan, perikanan, pertanian, perternakan, kesihatan dan pelbagai perkara lain yang boleh memberikan manfaat kepada pengguna berkenaan dan sesiapa sahaja yang menerima maklumat yang disampaikan. Dengan cara ini, maklumat terkini akan diperolehi oleh para pengguna PID. Dalam konteks pembangunan kemahiran ICT, sebagai contohnya, PID menyediakan latihan berkaitan ICT kepada seluruh pengguna agar para pengguna dalat mengaphkasikan ICT dalam urusan sehari-hari mereka. Secara khususnya, para peniaga kecil misalnya akan diajar tentang cara untuk membangunkan laman web perniagaan sekaligus dapat membantu mereka dapat mempromosi dan menjual barang secara dalam talian. Ini adalah disokong oleh Jalaluddin, *et al.*, (2010) yang menjelaskan PID (telecenter) merupakan premis khusus dibangun untuk tujuan memberi kemudahan kepada penduduk desa celik ICT dan kemudahan capaian maklumat. PID juga menjadi pusat latihan kemahiran ICT untuk penduduk desa dan warga terpinggir seperti golongan miskin, wanita, kanak-kanak, OKU, warga tua, orang asli, SME dan penduduk desa. PID berperanan utama sebagai jambatan digital bagi mengurangkan masalah jurang digital di kalangan masyarakat terpencil.

Perlaksanaan PID hakikatnya telah diaplikasikan di negara-negara lain di seluruh dunia dengan namadan jenama yang berbeza. Di Malaysia, projek PID merupakan projek usahasama antara KTAK dan Pos Malaysia Berhad (PMB) di mana PMB telah menyediakan lokasi bagi pusat PID melalui penyediaan bangunan tambahan (annex) di pejabat pos terpilih setiap negeri di seluruh negara. Bagi tujuan ini, PMB telah menyumbangkan peruntukan sejumlah RM2.8 juta untuk membina lokasi PID dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK 7), sementara dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK 8) pula, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM6.8 juta bagi pelaksanaan projek ini. Sehingga akhir tahun 2004, sejumlah 42 lokasi PID telah beroperasi di seluruh Negara.

PID merupakan pusat pembangunan masyarakat bentuk baru kerana ia bukan sahaja berperanan dalam mempertingkatkan taraf sosial ekonomi masyarakat setempat, malahan ia berperanan penting dalam membangunkan

masyarakat agar selari dengan kehendak zaman pengetahuan era baru. Lantaran itu, ICT merupakan asas penting dalam kewujudan PID dan menjadi pemangkin kepada pembangunan sosial-ekonomi masyarakat setempat. Inilah keunikan projek PID kerana ia menyasarkan pembangunan masyarakat berdasarkan penggunaan ICT sebagai pemangkin pembangunan masyarakat. Menurut Jalaluddin *et al.* (2010) pembangunan telecenter selepas tahun 2010 akan menuju era transformasi iaitu mewujudkan telecenter pelbagai fungsi yang mampan, mampu berdaya saing serta boleh melahirkan teknologi-usahawan khususnya di desa-desa. Namun demikian, wujud persoalan tentang bagaimana PID boleh berperanan sebagai pusat pembangunan komuniti luar bandar sekaligus menjadi platform bagi pembangunan budaya usahawan atau perniagaan di kawasan luar bandar.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Secara umumnya, aktiviti yang dilaksanakan di PID merupakan salah satu cara untuk menarik minat golongan pengguna untuk terus menggunakan kemudahan ICT di PID sebagai platform dalam urusan sehari-hari mereka. Jenis dan bentuk aktiviti adalah berperanan penting dalam mengekalkan minat dan tumpuan penduduk terhadap PID memandangkan perkhidmatan berkaitan ICT juga disediakan oleh pihak lain seperti Kafe Siber, Pusat Mainan Video, dan sebagainya. Namun demikian, perancangan dan perlaksanaan aktiviti di setiap PID adalah berbeza dan ia seringkali dikaitkan dengan faktor-faktor seperti kecekapan penyelia PID, jumlah tenaga kerja, kelebihan generik setempat, dan sebagainya. Perlaksanaan aktiviti adalah penting kerana ia merupakan ukuran kepada keberkesanan peranan PID dalam konteks pembangunan masyarakat setempat. Tahap aktiviti yang berbeza akan memberikan kesan yang berbeza kepada pembangunan komuniti sama ada dari segi ekonomi maupun sosial. Untuk itu, apakah aktiviti yang telah dilaksanakan di PID dan sejauhmanakah aktiviti ini mampu menarik minat para pengguna untuk mengulangi kunjungan ke PID adalah persoalan yang menarik untuk dikaji.

Setiap PID seharusnya mampu mewujudkan kesan positif yang khusus kepada komuniti setempat yang menggunakan perkhidmatan PID. Secara teorinya, PID dapat membantu golongan petani dan nelayan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT, di samping meningkatkan pendapatan

mereka melalui penggunaan ICT sebagai landasan bagi melaksanakan urusan berkaitan aktiviti sosial-ekonomi mereka. Sebagai contohnya, Jalaluddin *et al.* (2010) melaporkan berdasarkan pengalaman di India iaitu merujuk kepada program National Association of Software and Service Companies (NASSCOM) di bawah NASSCOM Foundation (NF) yang mana mereka sangat aktif membangun telecenter dan melestarikan telecenter khususnya di India. NF melihat telecenter sebagai pusat pembangunan sosial dan ilmu pengetahuan kepada penduduk miskin, sebagai jambatan untuk merapatkan jurang digital dan meningkatkan penduduk desa mencebur diri dalam bidang kerjaya ICT. Secara khususnya, NF melalui projek NASSCOM Knowledge Network (NKN) telah membangunkan telecenter di 12 negeri di India. India mempunyai lebih 6 juta desa dengan lebih 600 daerah yang menampung 65% penduduk India. NKN melalui projek telecenter telah menjalankan program nilai tambah peranan ICT iaitu untuk pembelajaran, pembangunan sosial, dan pembangunan ekonomi. Paling penting NKN Berjaya mengenal pasti kehendak komuniti desa, mendapat kerjasama dan membangun telecenter secara pendekatan dari bawah ke atas (bottom-up). Fokus utama melestarikan telecenter ialah memberi perhatian kepada penduduk iaitu kanak-kanak, wanita dan belia. Mereka ini akan menjadi agen perubahan masyarakat di masa akan datang, yang menggerak masyarakat sivil, bergiat dalam aktiviti ekonomi desa.

Sejajar dengan Jalaluddin *et al.*, (2010) wujud persoalan tentang sejauhmanakah PID berperanan membantu masyarakat dalam mengurus aktiviti perekonomian dengan lebih berkesan melalui penggunaan pusat Internet. Sejauhmanakah masyarakat setempat dapat melaksanakan aktiviti keusahawanan dan perniagaan dan adakah telah ada segelintir masyarakat yang telah berjaya mengeksport produk mereka ke luar negara. Namun demikian, terdapat juga PID yang gagal memberikan kesan kepada pembangunan masyarakat sekitardan selalunya PID ini akan menghentikan operasinya lantaran ketiadaan pelanggan. Oleh yang demikian, penilaian terhadap aktiviti PID adalah penting sebagai asas dalam menentukan kapasiti dan kecekapan yang sepatutnya dicapai oleh setiap PID sebagai agen perubahan hidup masyarakat luar bandar. Sebagai kesan daripada kegagalan PID tersebut seperti mana yang dijelaskan oleh Jalaluddin *et al.*, (2010), maka PID hakikatnya kurang berkesan sebagai platform bagi membantu masyarakat setempat dalam memajukan tahap sosial dan ekonomi mereka.

Hasil daripada kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa pada peringkat awal, program PID telah mendapat sambutan yang menggalakkan terutama di kalangan pelajar sekolah. Namun, disebabkan permasalahan berkaitan kerosakan komputer, peralatan ICT, dan kelemahan dari segi pengurusan telah menjelaskan sambutan. Tinjauan umum ke atas pejabat pos yang melaksanakan program ini juga menunjukkan terdapat beberapa masalah yang sering dihadapi, antaranya masalah pengurusan di kalangan kakitangan yang mempunyai tugas lain untuk dilaksanakan, masalah kewangan bagi kerja penyelenggaraan dan ketiadaan tenaga mahir bagi membaik pulih komputer. Selain itu, lokasi projek yang tidak sesuai, bilangan komputer yang tidak mencukupi dan ketiadaan kakitangan bagi memberi bimbingan secara khusus dalam penggunaan internet juga dikenalpasti sebagai penyumbang kepada permasalahan yang dihadapi. (Noor Sharifah Sutan Saidi, 2006). Senario seperti ini berpotensi untuk terus berlaku sekiranya program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh PID tidak dinilai dan dikaji. Oleh demikian, kajian terhadap aktiviti dan impak PID adalah penting bagi menilai keberkesanan PID sebagai landasan pembangunan masyarakat berpengetahuan di masa hadapan sekaligus membantu pihak pengurusan PID dalam merancang program yang lebih interaktif dan menarik minat pelbagai golongan.

Di Malaysia, tidak dapat dinafikan bahawa sesetengah operasi PID telah beroperasi lebih daripada lima tahun dan dalam pada itu, kemajuan yang dicapai oleh setiap PID adalah berbeza-beza seperti tahap rendah, sederhana dan maju. Terkini, Jalaluddin *etal.*, (2010) menjelaskan secara terperinci bahawa terdapat lima tahap penting dalam pembangunan PID iaitu fasa input, proses (*throughput*), pengeluaran (*output*), penghasilan (*outcome*) dan impak (*impact*) yang positif atau negatif. Dalam tempoh berkenaan juga, pelbagai jenis perkhidmatan dan program berteraskan ICT diperkenalkan khusus untuk masyarakat bertujuan untuk mempertingkatkan sosial-ekonomi mereka. Oleh demikian, kajian mengenai sejauhmanakah PID dapat mewujudkan impak kepada pembangunan komuniti masyarakat luar bandar adalah penting sebagai strategi untuk proses penambahbaikan PID di masa hadapan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Menilai aktiviti atau program yang dijalankan di PID.
2. Menilai impak PID terhadap pembangunan komuniti luar bandar khususnya dari segi ekonomi dan sosial.

## METODOLOGI KAJIAN

Secara umumnya, rekabentuk kajian yang dipilih adalah kajian deskriptif dan pengutipan data kajian adalah berdasarkan teknik tinjauan. Untuk itu, borang soal selidik digunakan dan diadaptasi daripada soal selidik oleh Aliakbar (2006). Borang soal selidik mengandungi 25 item kesemuanya. Bahagian A berkaitan Demografi Responden mengandungi 5 item dan Bahagian B berkaitan impak PID terhadap sosial dan ekonomi komuniti (20 item). Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada respondens iaitu para pengguna PID yang terdiri daripada golongan belia, usahawan, pendidik, warga emas, wanita, dan pelajar. Responden ini adalah diambil daripada senarai rekod daftar para pengguna PID.

Secara khususnya, lokasi PID yang dipilih bagi kajian ini ialah di Pusat Internet Desa Bukit Kayu Hitam (PID BKH) di Kedah. PID ini terletak bersebelahan dengan bangunan Pejabat Pos Bukit Kayu Hitam, Kedah. Pemilihan PID Bukit Kayu Hitam adalah berdasarkan demografi penduduk di mana majoriti penduduknya terdiri daripada komuniti masyarakat luar dan terletak berhampiran sempadan Malaysia-Thailand. Temubual berstruktur juga telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat terperinci berkenaan aktiviti PID. Temubual ini melibatkan penyelia PID, staf-staf PID dan pihak berkepentingan dalam PID khususnya dalam aspek urusan sehari-hari PID. Tumpuan temubual berstruktur adalah kepada corak penggunaan PID dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan khususnya untuk tempoh masa antara tiga-lima tahun kebelakang.

## **HASIL KAJIAN**

### **Demografi Responden**

#### **Umur**

Dari 100 responden, didapati bahawa majoriti pengguna PID BKH adalah golongan remaja dan belia yang berumur dalam lingkungan usia 16 -30 tahun dan ia mewakili 80 peratus responden PID BKH. Secara khususnya, kebanyakannya golongan remaja dan belia ini adalah dari golongan pelajar dan lepasan sekolah. Manakala, 20 peratus pula adalah golongan dewasa seperti petani, penoreh, pekerja kilang, pekerja sektor kerajaan, warga emas, dan sebagainya.

#### **Jantina**

Nisbah pengguna di kalangan lelaki dan perempuan adalah tidak seimbang iaitu 38 peratus lelaki dan 62 peratus perempuan.

#### **Bangsa dan Agama**

Berdasarkan kajian ini, kesemua responden adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam.

#### **Status**

Status pengguna PID menunjukkan bahawa 78 peratus bujang berbanding 22 peratus sudah berkahwin.

#### **Taraf pendidikan**

Dari segi taraf akademik, majoriti atau 85 peratus bagi pengguna PID Bukit Kayu Hitam adalah dari kalangan yang berendidikan iaitu sekolah menengah (60 peratus), diploma (10 peratus) dan universiti (15 peratus). Manakala baki 15 peratus responden adalah memiliki tahap pendidikan sekolah rendah (5 peratus) dan tidak bersekolah (10 peratus).

#### **Impak PID BKH Terhadap Pembangunan Komuniti Luar Bandar**

Bahagian ini akan menerangkan secara terperinci kesemua keputusan daripada kajian ini.

### **Pendapatan sebelum penubuhan PID**

Daripada jumlah 100 orang responden, hanya 80 orang sahaja yang mengisi item ini kerana baki 20 responden masih bersekolah, belum mempunyai pendapatan sendiri, dan terdapat juga responden yang enggan menyatakan pendapatan bulanan mereka. Didapati bahawa 65 responden yang memiliki pendapatan kurang dari RM1000 sebelum penubuhan PID BKH. Manakala, 15 responden pula menyatakan memiliki pendapatan antara RM1000 ke RM2000.

### **Pendapatan selepas penubuhan PID**

Selepas penubuhan PID, responden yang memiliki pendapatan kurang dari RM1000 iaiah 35 orang, pendapatan antara RM 1000 ke RM2000 pula iaiah 25 orang, dan pendapatan lebih daripada RM2000 pula sebanyak 20 orang.

### **Impak PID BKH kepada taraf ekonomi dan sosial**

Kesemua 100 responden menyatakan bahawa PID memberikan impak yang positif terhadap taraf ekonomi dan sosial mereka. Hal ini demikian kerana PID BKH menyediakan kemudahan ICT yang sesuai dengan konsep pembangunan masyarakat bermaklumat.

### **Impak PID BKH dalam menghasil dan menjual produk luar bandar**

Secara umumnya, 70 peratus responden menyatakan PID memberi kesan yang positif terhadap hasil atau jualan produk pertanian atau ternakan, manakala 26 peratus responden menyatakan tidak untuk soalan ini. Manakala, 4 peratus pula tidak pasti mengenai kesan PID terhadap jualan produk pertanian atau ternakan. Daripada 70 peratus responden yang bersetuju didapati bahawa terdapat 12 responden adalah terdiri daripada petani dan penternak. Manakala, daripada kelompok responden tidak bersetuju (26 peratus) didapati tiada seorang responden yang terdiri daripada petani dan penternak yang memberikan jawapan tersebut. Selain itu, bagi kelompok responden yang tidak pasti, hanya 2 orang sahaja adalah terdiri daripada petani dan penternak.

### **Impak PID dalam mencari pekerjaan**

Ilampir kesemua responden menyatakan PID memberikan kesan yang positif dalam mencari pekerjaan khususnya di kalangan belia dan

lepasan pelajar sekolah dan jumlah responden bersetuju adalah 97 peratus dan 3 peratus responden pula tidak bersetuju. Ini kerana PID menyediakan capaian ke portal-portal Kerajaan dan swasta mengenai peluang pekerjaan yang ditawarkan.

### **Pemilikan komputer peribadi**

Sebelum penubuhan PID BKH, sejumlah 65 peratus responden memiliki komputer peribadi di rumah, manakala 35 peratus responden pula tidak memiliki komputer peribadi di rumah. Nanti demikian, selepas penubuhan PID BKH, jumlah yang memiliki komputer peribadi di rumah telah meningkat kepada 89 peratus. Hal ini terjadi kerana, melalui PID para pengguna mempunyai keyakinan tinggi dan kemahiran pengoperasian komputer untuk menggunakan komputer secara sendiri di rumah.

### **Kemahiran penggunaan komputer**

Selepas penubuhan PKID BKH, didapati bahawa kemahiran penggunaan komputer telah meningkat. iaitu dari 35 peratus responden sebelum penubuhan PID BKH kepada 75 peratus responden. Manakala, baki 25 peratus responden yang memberikan jawapan tidak untuk item kemahiran penggunaan komputer merupakan kumpulan pengguna bam yang masih dalam proses pembelajaran.

### **Kemahiran berbahasa**

Selepas penubuhan PID BKH, didapati seramai 74 responden bersetuju bahawa kemahiran berbahasa telah meningkat. Manakala 26 responden yang terdiri daripada kumpulan pengguna yang bukan dari pelajar dan belia pula menyatakan tidak. Ini kerana terdapat responden yang memanfaatkan laman pembelajaran bahasa dalam talian. Justeru itu, hasil dari kajian jelas menunjukkan penubuhan PID BKH memberi! impak kepada peningkatan penguasaan dan kemahiran berbahasa.

### **Latihan secara online**

Hampir kesemua responden iaitu sebanyak 97 peratus menyatakan latihan secara *online* adalah berguna kepada mereka dan setiap responden mempunyai tumpuan dan minat yang tersendiri. Misalnya, kumpulan pelajar akan menggunakan tutor online bagi membantu mereka dalam pelajaran dan peperiksaan.

## **Pemahaman tentang kesihatan dan rawatan**

Selepas penubuhan PID BKH, 91 responden menyatakan bahawa pemahaman dan pengetahuan mereka tentang kesihatan dan rawatan telah berubah dan meningkat dengan lebih baik. Perkara ini disebabkan kerana, mereka berpeluang untuk melayari laman web berkaitan kesihatan dan perubatan yang selama ini hanya terbatas kepada maklumat kesihatan yang dibekalkan oleh klinik dan hospital kerajaan. Antara maklumat tersebut ialah penyakit kronik, penyakit berjangkit, dan penjagaan kesihatan. Namun demikian, 9 responden pula menyatakan tiada perubahan dalam pengetahuan dan pemahaman tentang kesihatan dan rawatan.

## **Minat tentang kesihatan**

Secara khusus, pemahaman kesihatan dalam bidang maklumat berkaitan perubatan dan kesihatan paling digemari iaitu melibatkan 93 peratus responden. Manakala, 7 peratus responden pula meminati bidang perkhidmatan kesihatan luar bandar. Secara keseluruhannya, kesemua responden berminat terhadap tajuk dalam bidang kesihatan dan maklumat perubatan yang diperolehi ketika melayari Internet dan perkongsian maklumat daripada rakan-rakan di Internet. Justeru itu, ini merupakan perkembangan positif ke arah peningkatan kesedaran mengenai kesihatan peribadi dan sekaligus menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup.

## **Peningkatan kemahiran baru Internet**

Selepas penubuhan PID BKH, kemahiran baru berkaitan Internet di kalangan parapengguna semakin meningkat. Kesemua responden seramai 100 orang menyatakan kemahiran Internet mereka semakin meningkat selepas penubuhan PID, berbanding dengan sebelum penubuhan PID BKH. Ini adalah hasil daripada penglibatan mereka dalam bengkel dan menghadiri kelas-kelas Internet anjuran PID BKH.

## **Bidang kemahiran aplikasi komputer**

Bidang kemahiran penggunaan aplikasi komputer (perisian) adalah berbeza dan sudah tentu bidang kemahiran yang menjadi tumpuan responden juga adalah berbeza disebabkan oleh minat dan kecenderungan mereka. Bagi bidang sistem operasi komputer, seramai 7 responden meminatinya, lembaran kerja elektronik (MS Excel) 4 responden, mel elektronik 59 responden, pemprosesan perkataan (MS Word) 18 responden, mencari maklumat 4 responden dan persembahan elektronik (MS PowerPoint) 8 responden.

## **Peningkatan capaian maklumat**

Selepas penubuhan PID BKH, peningkatan capaian maklumat oleh para pengguna adalah ketara kerana mereka lebih berpeluang untuk melayari Internet. Berdasarkan hasil kajian, terdapat dua sumber utama yang dicapai oleh pengguna iaitu laman web, dan surat khabar elektronik. Untuk itu, sejumlah 84 peratus melayari laman web, 16 peratus melayari surat khabar elektronik.

## **Tujuan berkunjung ke PID BKH**

Terdapat pelbagai tujuan mengapa pengguna seringkali ke PID BKH dan rata-rata dari responden menyatakan bahawa tujuan utama mereka ke PID BKH adalah untuk melayari Internet. Namun demikian, secara khusus, tujuan utama ke PID BKH adalah untuk memperolehi maklumat Internet iaitu melibatkan 58 responden, pembelajaran dalam talian 12 responden, pertanyaan atau penyelidikan maklumat (20 responden), dan berhubung dengan orang lain adalah 10 responden.

## **Kekerapan berkunjung ke PID BKH**

Kekerapan pengguna berkunjung ke PID BKH adalah berbeza di kalangan responden. Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa seramai 28 orang akan berkunjung setiap hari ke PID BKH, 54 orang akan berkunjung seminggu sekali, dan 18 orang akan berkunjung sebulan sekali ke PID berkenaan. Kunjungan ke PID ini adalah berdasarkan kelapagan masa di pihak responden seperti golongan bekerja hanya akan berkunjung ke PID sekali sahaja dalam seminggu. Didapati bahawa, pelajar dan golongan belia merupakan kumpulan yang kerap berkunjung ke PID BKH.

## **Penggunaan masa di PID BKH**

Penggunaan masa di PID BKH oleh pengguna adalah berbeza berdasarkan tujuan dan kerja yang ingin dilakukan. Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa sejumlah 66 responden menggunakan masa selama 1-2 jam setiap kali mereka berkunjung ke PID berkenaan. Manakala, 30 responden pula menyatakan bahawa mereka menggunakan masa lebih dari 2 jam setiap kali berkunjung ke PID. Selain itu, hanya 4 responden tidak pasti jumlah masa yang mereka gunakan setiap kali mereka berkunjung ke PID.

Selain itu, masa lawatan ke PID juga berbeza. Majoriti responden melawat PID BKH pada sebelah petang iaitu melibatkan 66 responden dan

30 responden melawat pada sebelah pagi. Manakala, 4 responden pula tidak mempunyai masa yang spesifik untuk melawat PID BKH. Namun demikian, majoriti responden cenderung menggunakan masa hujung minggu (Jumaat dan Sabtu) bagi menggunakan kemudahan di PID BKH dan ia diwakili oleh 88 responden. Manakala, 12 responden pula adalah bebas untuk pergi ke PID tanpa mengira hari yang spesifik.

### **Tahap pengetahuan**

Selepas penubuhan PID BKH, rata-rata responden bersetuju bahawa PID BKH telah mempertingkatkan pengetahuan mereka dalam pelbagai bidang. Hasil kajian mendapat pengetahuan pengguna meningkat dalam hal ehwal antarabangsa (J9 responden), budaya (30 responden), ekonomi (7 responden), saintifik (20 responden), dan sukan (24 responden).

### **Perkhidmatan ICT yang kerap digunakan**

Perkhidmatan ICT yang kerap digunakan ialah mel elektronik (20 responden), melayari Internet (73 responden), dan *interaksi/chatting* (7 responden). Namun demikian, terdapat permintaan agar PID BKH menyediakan perisian-perisian terbaru untuk kegunaan masa akan datang seperti *IP video*, *Internet Phone*, dan sebagainya.

### **Tajuk atau bidang yang dilayari**

Kebanyakan pengguna Internet akan melayari tajuk dan bidang yang mereka minati apabila mereka berpeluang menggunakan kemudahan tersebut. Bidang yang sering dilayari oleh pengguna ialah pembelajaran (*learning*) (35 responden), perdagangan elektronik (30 responden), maklumat umum (7 responden), pekerjaan (3 responden), hiburan (23 responden), dan sukan (2 responden).

Secara keseluruhannya, hasil dari kajian di PID BKH, didapati bahawa PID telah menjaya mewujudkan impak positif kepada pembangunan masyarakat luar bandar dari segi sosial dan ekonomi. Kesan yang ketara adalah dari aspek peningkatan pendapatan pengguna yang mana mereka telahpun memanfaatkan laman web bagi menjual produk secara dalam talian. Aspek kemahiran bahasa, kemahiran Internet dan penguasaan terhadap maklumat baru juga meningkat sekaligus merealisasikan konsep pembangunan masyarakat berilmu. Namun demikian, PID perlu dimantapkan lagi agar fungsinya lebih berkesan pada masa akan

datang. Justeru keusahawanan sosial dicaclangkan sebagai strategi untuk mempertingkatkan keberkesanan PID sebagai landasan pembangunan masyarakat luar bandar.

## **KEUSAHAWANAN SOSIAL SEBAGAI PEMANGKIN**

Bermula pada tahun 2010, PID akan mengalami transformasi di mana PID perlu menjana sendiri kewangan mereka. Ini adalah sejajar dengan pandangan Jalaluddin, *et. cii*, (2010) pembangunan PID selepas tahun 2010 akan menuju era transformasi iaitu mewujudkan telecenter pelbagai fungsi yang mampan, mampu berdaya saing serta boleh melahirkan teknologi-usahawan khususnya di desa-desa. Namun demikian, PID tidak boleh beroperasi dengan mengenakan caj bayaran tinggi kepada para pengunjungnya kerana kebanyakan para pengguna PID adalah masyarakat luar bandar yang berpendapatan rendah. PID juga tidak boleh beroperasi seperti Siber Kafe, Internet Shop, dan sebagainya yang menekankan aspek penjanaan keuntungan. Untuk itu, kajian ini mencadangkan keusahawanan sosial sebagai mekanisme bagi mengekalkan momentum kemajuan PID.

Secara umumnya, keusahawanan sosial merupakan inisiatif usahawan untuk memajukan perniagaan, bukan sekadar mementingkan keuntungan perniagaan, malahan turut menitikberatkan aspek kebajikan sosial dan kesejahteraan masyarakat (Boschee, 2001; Oster et al., 2004; Tracey and Phillips, 2007). Hasil keuntungan dari perniagaan bukan hanya digunakan untuk kemajuan perniagaan, malahan juga digunakan untuk memajukan masyarakat sekeliling. Walaubagaimanapun, untuk lebih memahami sejauhmanakah relevannya keusahawanan sosial memberi impak terhadap sosial, Tuuli Parenson (2011) telah memberikan dua perspektif berbeza mengenai konsep keusahawanan sosial iaitu konsep yang luas dan konsep yang khusus. Berdasarkan konsep yang luas keusahawanan sosial merupakan sesuatu yang dapat menolong menyelesaikan masalah sosial. Ia merangkumi aktiviti yang berinnovatif dan bermatlamatkan sosial (Austin et al., 2006; Dees, 1998). Konsep yang khusus pula mendefinisikan keusahawanan sosial sebagai segala bentuk aktiviti keusahawanan yang menitikberatkan pembangunan organisasi yang mempunyai kapasiti komersial yang jelas dan pembangunan sosial (Tracey & Phillips, 2007; Boschee, 2001; Oster et al., 2004). Untuk itu, konsep keusahawanan sosial adalah penting bagi

merealisasikan agenda pembangunan PID agar ia lebih lestari dan mampu berdikari sendiri sepetimana yang dijelaskan oleh Jalaluddin *et al* (2010).

## KESIMPULAN

Dalam menuju wawasan 2020, berbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk membangunkan masyarakat bermaklumat termasuklah melalui penubuhan PID di setiap kawasan luar bandar. Penubuhan PID BKH jelas memberi impak kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran ICT di kalangan masyarakat setempat. Ini sejahtera dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan tinggi dan mencapai K-ekonomi seiring dengan negara-negara maju yang lain. Penubuhan PID merupakan satu projek jangka panjang yang berperanan untuk membangunkan komuniti desa khususnya di kalangan kawasan yang didiami oleh masyarakat luar bandar. Apa yang penting adalah tindakan susulan untuk menerapkan nilai-nilai keusahawanan dalam pembelajaran di PID kerana PID juga berpotensi untuk digunakan dalam konteks pembangunan yang berpaksikan budaya keusahawanan sosial. Sekiranya nilai-nilai keusahawanan sosial diserap masuk ke PID, pastinya akan mempertingkatkan keberkatan PID berkenaan dan sekaligus sebagai pemangkin kepada generasi belia yang berfikiran sebagai usahawan PID.

## BIBLIOGRAFI

- Aliakbar, J. (2006). *The socio-economic impact of Ids in rural Iran*. United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization.
- Austin, J., Stevenson, H. & Wei-Skillem, J. (2006). Social and commercial entrepreneurship: same, different, or both?", *Entrepreneurship Theory & Practice*, 30(1), pp. 1-22.
- Boschee, J. (2001). Eight basic principles for nonprofit entrepreneurs. *Nonprofit World*, 19 (4), pp. 15-18.
- Dees, J.G. (1998). Enterprising non-profits. *Harvard Business Review*, January-February.

- Jalaluddin, Norizan & Jamaluddin (2010). Telecenter serumpun Malaysia-Indonesia: Mencari metod pembangunan telecenter pelbagai fungsi (MCT). *Malaysian Journal of Society and Space*, 6(3), pp. 56 - 75.
- Noor Sharifah Sutan Saidi. (2006). Chapter 14 Perancangan Pusat ICT bagi Masyarakat Luar Bandar di Semenanjung Malaysia. Dalam Inspiring Creative Innovative Minds: Professorial Inaugural Lecture Series 2002-2008 (Volume II). Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Oster, S.M., Massarsky, C.W. & Beinhacker, S.L. (2004). *Generating and Sustaining Non-profit Earned Income. A Guide to Successful Enterprise Strategies*, Jossey-Bass, San Francisco, CA.
- Tracey, P. & Phillips, N. (2007). The distinctive challenge of educating social entrepreneurs: a postscript and rejoinder to the special issue on entrepreneurship education. *Academy of Management Learning and Education*, 6 (2), pp. 264-71.
- Tuuli Pa'rendon. (2011). The criteria for a solid impact evaluation in social entrepreneurship. *Society and Business Review*, 6 (1), 2011pp. 39-48.

- Jalaluddin, Norizan & Jamaluddin (2010). Telecenter serumpun Malaysia-Indonesia: Mencari metod pembangunan telecenter pelbagai fungsi (MCT). *Malaysian Journal of Society and Space*, 6(3), pp. 56 - 75.
- Noor Sharifah Sutan Saidi. (2006). Chapter 14 Perancangan Pusat ICT bagi Masyarakat Liar Bandar di Semenanjung Malaysia. Dalam Inspiring Creative Innovative Minds: Professorial Inaugural Lecture Series 2002-2008 (Volume II). Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Oster, S.M., Massarsky, C.W. & Beinhacken S.L. (2004). *Generating and Sustaining Non-profit Earned Income. A Guide to Successful Enterprise Strategies*, Jossey-Bass, San Francisco, CA.
- Tracey, P. & Phillips, N. (2007). The distinctive challenge of educating social entrepreneurs: a postscript and rejoinder to the special issue on entrepreneurship education. *Academy of Management Learning and Education*, 6 (2), pp. 264-71.
- Tuuli Pa'renson. (20 J1). The criteria for a solid impact evaluation in social entrepreneurship. *Society and Business Review*. 6(1), 2011pp. 39-48.